

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 12 OGOS 2019

MUKA SURAT: 39

Kualiti udara di Miri masih pada tahap bahaya

Kuching: Kualiti udara di Miri terus berada pada tahap berbahaya semalam dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di bandar raya utara Sarawak itu merekodkan bacaan 388 pada jam 12 tengah hari.

Berdasarkan data dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), peningkatan bacaan IPU direkodkan di institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri sejak jam 6 pagi semalam ialah 320.

Bacaan terus meningkat iaitu 343 pada jam 7 pagi, 358 (8 pagi), 371 (9 pagi) dan 380 (10 pagi) sehingga memecah IPU tertinggi 388 tengah hari semalam.

Kualiti udara yang terjejas di Miri itu masuk hari kedua semalam dan sa-

tu-satunya lokasi di negara ini mencatat IPU pada tahap berbahaya ketika ini.

Keadaan itu berlaku akibat kebakaran tanah gambut di kawasan berdekatan Kompleks Hamidah, Kuala Baram yang berlarutan sejak 1 Ogos lalu.

Bacaan IPU di 12 lagi stesen iaitu Limbang, Samalaju, Bintulu, Mukah, Kapit, Sibul, Sarikei, Sri Aman, Samarahan, Kuching, Petra Jaya dan SK Kuala Baram 2 pula mencatat bacaan IPU pada tahap sederhana antara 57 hingga 98.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Tiong Ling Hui, berkata da-

lam tempoh 1 Ogos hingga semalam, sebanyak 250 kes kebakaran hutan, belukar dan tanah gambut dilaporkan berlaku di negeri ini.

"Setakat jam 11.30 pagi tadi (semalam), sembilan laporan diterima dan semalam (kelmarin) mencatat jumlah tertinggi dengan 58 kebakaran," katanya.

Beliau berkata, peningkatan jumlah kebakaran hutan dan belukar dikepala pasti akibat kurang kesedaran masyarakat terhadap bahaya aktiviti pembakaran terbuka ketika cuaca panas dan kering.

"Bomba sudah menasihatkan orang ramai menghentikan aktiviti itu dalam keadaan cuaca sekarang," katanya.